

 UTM UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA UTMDIGITAL, UTM	MANUAL KUALITI: SEKSYEN 7 – SOKONGAN		
	ID DOKUMEN: MK/UTM/UTMDIGITAL/02 - 2019/2020	MUKA SURAT	: 1 DARI 10
		MOD	: 2
		TARIKH MOD	: 15 Jan 2024

7.1 SUMBER

7.1.1 AM

Pengurusan atasan UTMDigital dan PP menentu dan menyediakan sumber manusia, kewangan, fasiliti dan peralatan yang mencukupi untuk membangun, melaksana, menyelenggara dan meningkatkan SPK secara berterusan dengan mempertimbangkan:

- Keupayaan dan kekangan sumber dalaman dari aspek kecukupan dan kompetensi staf, ketersediaan fasiliti, keperluan terhadap teknologi IR4.0, peruntukan bajet, kemudahan fizikal dan sebagainya untuk membangunkan projek ICT, infrastruktur, sistem aplikasi Universiti, kemudahan ICT dan lain-lain **Perkhidmatan ICT**; dan
- Keperluan mendapatkan proses, perkhidmatan, bahan, bekalan dan peralatan dari luar untuk menyokong pembangunan, pelaksanaan, pengekalan dan penambahbaikan SPK. Ini termasuklah pembelian perisian dan perkakasan, lantikan vendor, penyelenggaraan infrastruktur, khidmat perundingan, kerjasama atau kontrak dengan rakan strategik, khidmat luar penyelenggaraan fasiliti dan sebagainya.

Penyediaan sumber diatas hendaklah dibuat oleh PP mengikut prosedur dan kawalan berikut:

- Keperluan kewangan berdasarkan bajet tahunan dan pembangunan ICT yang diluluskan sebagaimana digariskan dalam Sistem UTMfin Modul bajet.
- Bekalan/logistik, peralatan, kemudahan asas, fasiliti, dan sebagainya berdasarkan bajet tahunan UTMDigital yang diluluskan dan dinyatakan dalam Tatacara Pengurusan Perolehan Universiti – Pekeliling Bendahari Bil.6/2016, Sub-klausa 8.4 dan Lampiran MK08-03.
- Keperluan sumber manusia termasuk lantikan dan latihan staf berdasarkan kepada Skim Perkhidmatan dan peruntukan di para 7.1.2 dan 7.2.

7.1.2 Tenaga Kerja

Pengurusan atasan UTMDigital dan PP menentu dan menyediakan staf yang berkelayakan dan kompeten untuk melaksana dan mengawal proses utama, sokongan dan pengurusan **Perkhidmatan ICT** secara berterusan. Penyediaan sumber manusia yang kompeten dilaksanakan melalui:

 UTM UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA UTMDIGITAL, UTM	MANUAL KUALITI: SEKSYEN 7 – SOKONGAN		
	ID DOKUMEN: MK/UTM/UTMDIGITAL/02 - 2019/2020	MUKA SURAT	: 2 DARI 10
		MOD	: 2
		TARIKH MOD	: 15 Jan 2024

- a. Lantikan staf UTMDigital berdasarkan kepada kelayakan, pengalaman, kemahiran, latihan dan syarat-syarat ditetapkan dalam Skim Perkhidmatan yang dilaksanakan oleh Pejabat Pendaftar; dan
- b. Latihan, cuti belajar, program transformasi minda, dan pembangunan profesional staf mengikut perancangan latihan Jabatan Pendaftar (Rujuk Sub-klausa 7.2).

7.1.3 Infrastruktur

Pengurusan atasan UTMDigital, PP dan semua Bahagian hendaklah menentu, menyediakan dan menyelenggara infrastruktur dan kemudahan yang diperlukan untuk penyampaian **Perkhidmatan ICT** yang memenuhi keperluan pelanggan dan mematuhi peraturan pihak berkepentingan, piawaian profesional dan perancangan SPK. Di antara infrastruktur dan kemudahan ini termasuklah:

- a. Bangunan, pejabat, bilik dan ruang rehat yang mencukupi (termasuk penyelenggaraan, keselamatan, pengurusan fasiliti, kebersihan dan keindahan) dan utiliti yang diperlukan untuk memberi **Perkhidmatan ICT** kepada pelanggan.
- b. Peralatan meliputi sistem aplikasi yang digunakan, kemudahan rangkaian komputer, perkakasan, perisian, peralatan kerja, alat-alat keselamatan/pengujian sistem/rangkaian/infrastruktur, kemudahan ICT, dan sebagainya yang diperlukan untuk melaksana, mengendali dan memantau **Perkhidmatan ICT**.
- c. Kemudahan pengangkutan.
- d. Infrastruktur ICT termasuk penyelenggaraannya.
- e. Kemudahan keselamatan, pejabat dan kaunter, penghantaran dan lain-lain khidmat sokongan untuk kelancaran proses dan penyampaian **Perkhidmatan ICT**.

7.1.4 Persekitaran Untuk Proses Operasi Perkhidmatan ICT

Pengurusan atasan UTMDigital dan PP menentu, menyediakan dan menguruskan persekitaran kerja yang sesuai, selesa dan selamat bagi memastikan **Perkhidmatan ICT** dapat disampaikan dengan berkesan serta menjamin SPK mematuhi perancangan dan keperluan ditetapkan. Ini dilaksanakan melalui:

- a. Pelaksanaan OSHA bagi persekitaran teknikal dan pejabat UTMDigital untuk menjamin keselamatan dan kesihatan staf.
- b. Interaksi sosial staf dan pengurusan UTMDigital melalui perjumpaan bulanan, komunikasi atas talian dan sebagainya.

 UTMDIGITAL, UTM	MANUAL KUALITI: SEKSYEN 7 – SOKONGAN		
	ID DOKUMEN: MK/UTM/UTMDIGITAL/02 - 2019/2020	MUKA SURAT	: 3 DARI 10
		MOD	: 2
		TARIKH MOD	: 15 Jan 2024

- c. Kemudahan dan susun atur pejabat, bilik dan rekreasi untuk keselesaan bekerja.
- d. Amalan etika kerja UTM untuk menjamin integriti perkhidmatan awam.
- e. Kemudahan kesihatan staf.
- f. Kawalan keselamatan fizikal di tempat kerja, bangunan dan sebagainya.
- g. Amalan Kelestarian perubahan iklim meliputi inisiatif *Green Management* (kawalan haba, elektrik, teknologi *containment* DRC dll), BYOD, *paperless*, suhu pendingin udara di makmal, Pusat Data).
- h. Program untuk mengawal tekanan kerja dan *burnout* seperti senam robik, riadah berbasikal, gotong royong, *walk fun* dan sebagainya.
- i. Aktiviti kebajikan dan interaksi staf meliputi Hari Keluarga, tahlil dan sebagainya.

7.1.5 PEMANTAUAN DAN PENGUKURAN SUMBER

7.1.5.1 AM

Bahagian Infrastruktur menentukan dan menyediakan sumber yang diperlukan untuk mengawal dan memastikan peralatan-peralatan yang digunakan untuk proses dan **Perkhidmatan ICT** seperti *switch* rangkaian, *bandwidth*, *router*, *load balancer*, perisian untuk pengujian, peralatan prestasi pangkalan data dan sebagainya (Rujuk Senarai Peralatan Pemantauan dan Pengukuran UTMDigital), diselenggara dan ditentu ukur supaya menghasilkan pengukuran kelajuan, tahap penggunaan, prestasi, tahap keselamatan sistem dan lain-lain yang sah dan boleh dipercayai. Bagi tujuan ini, sumber dan peralatan tersebut hendaklah:

- a. Bersesuaian dengan jenis atau aktiviti pemantauan dan pengukuran yang dilaksanakan dari aspek pengukuran kelajuan, tahap penggunaan, prestasi semasa, kebolehpercayaan data pengujian, ketepatan hasil dan sebagainya.
- b. Penyelenggaraan peralatan secara berkala supaya boleh digunakan dengan baik.

Peralatan pemeriksaan dan pengujian sentiasa diselenggara dan dikawal oleh Bahagian Infrastruktur bagi memastikan ketepatan dan konsistensi sesuatu bacaan dibuat oleh peralatan pengukuran ini. Maklumat berdokumen perlu diselenggarakan sebagai bukti ketepatan bacaan, kebolehpercayaan data pengujian dan sebagainya (Rujuk Senarai Induk Rekod UTMDigital dan Senarai Peralatan Pemantauan dan Pengukuran UTMDigital).

7.1.5.2 KEBOLEHKESANAN PENGUKURAN

Bahagian Infrastruktur mengawal dan memastikan peralatan-peralatan yang digunakan untuk proses dan **Perkhidmatan ICT** diselenggara dan ditentu ukur untuk mengawal kualiti sesuatu perkhidmatan yang dihasilkan. Semua peralatan ini hendaklah:

- a. Ditentu ukur atau diverifikasi atau kedua-duanya mengikut tempoh yang ditetapkan berdasarkan standard pengukuran antarabangsa, kebangsaan atau

 UTM UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA UTMDIGITAL, UTM	MANUAL KUALITI: SEKSYEN 7 – SOKONGAN		
	ID DOKUMEN: MK/UTM/UTMDIGITAL/02 - 2019/2020	MUKA SURAT	: 4 DARI 10
		MOD	: 2
		TARIKH MOD	: 15 Jan 2024

dalam mengikut yang dinyatakan dalam Senarai Peralatan Pemantauan dan Pengukuran UTMDigital. Sijil atau surat pengesahan (Penentukuran oleh pihak luar) dan catatan rekod penentukuran adalah bukti pengesahan peralatan dan pengujian berfungsi dengan baik dan telah ditentu ukur oleh badan yang diiktiraf atau staf yang melaksanakannya. Peralatan yang ditentu ukur secara dalaman, aktiviti pengujian dan verifikasi hendaklah mengikut kriteria ditetapkan dan maklumat berdokumen hasil aktiviti-aktiviti ini hendaklah disimpan dan diselenggara (Rujuk Senarai Peralatan Pemantauan dan Pengukuran UTMDigital).

- b. Diberi identifikasi dan ditentukan status penentukuran atau verifikasi serta merekodkan tarikh dan hasilnya serta penentuukuran akan datang.
- c. Dilindungi daripada pengubahsuaian, kerosakan atau pelarasan yang boleh menjelaskan status dan ketepatan bacaan yang dibuat atau hasil pengukuran.

Sekiranya peralatan pemantauan dan pengukuran berkenaan didapati tidak berfungsi dengan baik semasa aktiviti pengujian/ kalibrasi dijalankan, atau semasa operasi atau ketidaktepatan/ kesilapan hasil pengujian terdahulu, ia hendaklah:

- i. Direkodkan dalam ruang Senarai Peralatan Pemantauan dan Pengukuran UTMDigital.
- ii. Menarik balik atau menahan penggunaan peralatan penentuukuran berkenaan. Peralatan berkaitan tidak digunakan sehingga ia disahkan boleh menghasilkan bacaan tepat dan sahih.
- iii. Mengenal pasti laporan kalibrasi/pengesahan terdahulu dan menentukan peralatan/infrastruktur yang terjejas dengan kalibrasi terdahulu.
- iv. Membuat kalibrasi dan tentusahkan semula sebelum digunakan termasuk merekodkan bacaan/hasil pengukuran dalam Senarai Peralatan Pemantauan dan Pengukuran UTMDigital.
- v. Pengesanan dan penyesuaian semula laporan prestasi pangkalan data, laporan kelajuan rangkaian atau tindakan lain yang bersesuaian hendaklah dilakukan termasuk mengambil tindakan pembetulan yang bersesuaian (Rujuk Sub-Klausa 10.2). Semua data/laporan ini hendaklah disahkan tepat dan sahih sebelum sebarang tindakan penambahbaikan dibuat termasuk mendapat pengesahan/kelulusan semula.

7.1.6 PENGETAHUAN ORGANISASI

Pengurusan atasan UTMDigital, PP dan JKIR hendaklah menentukan pengetahuan organisasi berkaitan dengan kompetensi ICT, teknologi terkini, perkhidmatan digital, keselamatan siber, sistem aplikasi di pasaran dan infrastruktur untuk menjamin kepatuhan dan prestasi sistem aplikasi Universiti, operasi infrastruktur, kemudahan ICT,

 UTM UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA UTMDIGITAL, UTM	MANUAL KUALITI: SEKSYEN 7 – SOKONGAN		
	ID DOKUMEN: MK/UTM/UTMDIGITAL/02 - 2019/2020	MUKA SURAT	: 5 DARI 10
		MOD	: 2
		TARIKH MOD	: 15 Jan 2024

pengendalian maklumbalas pelanggan dan lain-lain **Perkhidmatan ICT** berprestasi tinggi. Pengetahuan organisasi ini termasuklah:

- Kompetensi staf UTMDigital.
- Pengetahuan dan kemahiran berkaitan dengan teknologi, infrastruktur terkini, sistem aplikasi, laman web, keselamatan siber, Big Data, AI, impak dasar perubahan iklim negara, dan sebagainya.
- Kejayaan atau kegagalan projek ICT, aktiviti penjanaan, operasi ICT, penemuan baru berkaitan dengan virus/ancaman, atau praktis terbaik **Perkhidmatan ICT** dan sebagainya.
- Prestasi SPK dan teknologi baru.
- Tacit and explicit knowledge* berkaitan pengendalian maklumbalas pelanggan, penyelenggaraan ICT, penggunaan sistem aplikasi/infrastruktur dan lain-lain.
- Hasil audit dalaman dan luaran termasuk laporan anugerah kualiti yang disertai UTMDigital.
- Pengalaman hubungan dengan vendor dan pelanggan, rakan strategik, persidangan/simposium/ kepakaran akademik, dan sebagainya.

Usaha menerapkan pengetahuan atau sesi perkongsian ilmu organisasi diatas dilaksanakan melalui latihan, Wacana Ilmu ICT, kolokium, taklimat, perbincangan dan sebagainya. Sekiranya terdapat perubahan kepada pengetahuan organisasi berdasarkan trend dan perkembangan semasa, PP dan JKIR akan menentu dan mendapatkan pengetahuan berkenaan melalui latihan, seminar, perbincangan dengan vendor/rakan strategik dan sebagainya. Pengetahuan ini akan disesuaikan dan diintegrasikan dengan praktis semasa SPK bagi menjamin staf sentiasa menawarkan penggunaan infrastruktur, sistem aplikasi Universiti, kemudahan ICT dan sebagainya yang relevan dan terkini. Pengetahuan ini akan dihebah, dikongsi atau dibincangkan untuk dipraktikkan dalam **Perkhidmatan ICT** melalui kaedah sesi perkongsian yang dinyatakan diatas.

7.2 KOMPETENSI

Semua staf UTMDigital yang terlibat dengan kerja yang mempunyai kesan kepada penyempurnaan projek ICT, penyediaan infrastruktur terkini, penyediaan kemudahan ICT, pengurusan khidmat pelanggan, dan kualiti **Perkhidmatan ICT** hendaklah kompeten berdasarkan kelayakan, latihan, kemahiran dan pengalaman yang ditetapkan. Bagi tujuan ini, Pejabat Pengarah dengan kerjasama Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar hendaklah:

- Menentukan kompetensi pengurusan dan operasi yang diperlukan oleh staf UTMDigital untuk melaksanakan kerja yang memberi kesan kepada penyampaian **Perkhidmatan ICT** berprestasi tinggi.

 UTM UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA UTMDIGITAL, UTM	MANUAL KUALITI: SEKSYEN 7 – SOKONGAN		
	ID DOKUMEN: MK/UTM/UTMDIGITAL/02 - 2019/2020	MUKA SURAT	: 6 DARI 10
		MOD	: 2
		TARIKH MOD	: 15 Jan 2024

- b. Mempastikan staf UTMDigital kompeten mengikut kelayakan, pengalaman, pengetahuan, kemahiran dan sebagainya, mengikut sebagaimana yang ditetapkan dalam Skim Perkhidmatan. Ini termasuklah melaksanakan analisis latihan (kompetensi fungsian) setiap tahun dengan cara menilai keperluan latihan staf berdasarkan mana-mana sumber dibawah:
 - i. *Competency index staff* UTMDigital.
 - ii. eLNPT (Latihan yang diperlukan)
 - iii. Latihan yang dikemukakan oleh Ketua Bahagian.
 - iv. Latihan untuk staf UTMDigital yang dinyatakan dalam sebut harga atau tender.
- c. Menyelaras, menyedia dan menguruskan latihan tahunan yang diperlukan atau kaedah lain yang bersesuaian (Contohnya '*on the job training*', sesi taklimat, mesyuarat, kolokium, dan sebagainya) untuk melengkapkan pengetahuan dan kemahiran staf dengan kompetensi yang dikenalpasti. Seterusnya, menilai kesan latihan dan kaedah yang digunakan untuk meningkatkan kompetensi staf menggunakan Borang Penilaian Kursus atau kaedah lain yang bersesuaian dalam tempoh tiga ke enam bulan dan memantau/mengemaskini proses penilaian ini.
- d. Menyelenggara Maklumat Berdokumen sebagai bukti staf kompeten iaitu rekod kelayakan dan latihan termasuk merekodkannya dalam Buku Rekod Perkhidmatan (jika berkenaan), kemahiran, pengalaman staf dan penilaian keberkesanan latihan mengikut Lampiran MK07-02 UTMDigital.
- e. Tatacara pengurusan latihan hendaklah mengikut SOP Pengurusan Latihan UTMDigital SOP UTMDigital/PP/01.

7.3 KESEDARAN

Pengurusan atasan UTMDigital dan semua Ketua Bahagian memastikan bahawa setiap staf mengetahui dan memahami kepentingan kualiti kerja dan kaitan serta sumbangan mereka kepada pencapaian objektif kualiti, kelancaran **Perkhidmatan ICT** dan keberkesanan SPK. Bagi tujuan ini, semua staf UTMDigital mestilah menghayati dan menyedari kepentingan:

- a. Dasar Kualiti UTMDigital.
- b. Objektif Kualiti UTMDigital khususnya yang berkaitan dengan tugas mereka.
- c. Penglibatan dan sumbangan staf terhadap usaha memastikan penyempurnaan projek ICT mengikut spesifikasi/kontrak, kebolehfungsian berterusan operasi infrastruktur, pengendalian maklumbalas pelanggan mengikut SLA, penyediaan

 UTM UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA UTMDIGITAL, UTM	MANUAL KUALITI: SEKSYEN 7 – SOKONGAN		
	ID DOKUMEN: MK/UTM/UTMDIGITAL/02 - 2019/2020	MUKA SURAT	: 7 DARI 10
		MOD	: 2
		TARIKH MOD	: 15 Jan 2024

kemudahan ICT terbaik kepada pelanggan, dan lain-lain aspek kelancaran dan kepatuhan **Perkhidmatan ICT**, serta keberkesanan SPK termasuk faedah dari penambahbaikan yang dibuat.

- d. Ketakakuran SPK dan kesannya terhadap gangguan operasi pelanggan, kepuasan pelanggan, reputasi UTMDigital dan keberkesanan SPK keseluruhannya.

Kaedah memastikan kesedaran, kefahaman dan penghayatan perkara-perkara diatas boleh dilakukan melalui mana-mana cara seperti taklimat, mesyuarat, latihan, sesi perkongsian ilmu, dan sebagainya.

7.4 KOMUNIKASI

Pengurusan atasan UTMDigital dan semua Ketua Bahagian memastikan wujudnya satu sistem komunikasi dalaman dan luaran yang efektif untuk pelaksanaan SPK yang berkesan. Komunikasi ini melibatkan:

- a. Fokus komunikasi iaitu:

- i. Komunikasi dalaman kepada staf meliputi mana-mana perkara berikut:
 - Visi/Misi/Matlamat strategik dan Pelan Strategik UTMDigital, Dasar Kualiti dan Objektif Kualiti, pengurusan risiko dan peluang serta kaitannya dengan peranan semua staf untuk menguruskannya.
 - Pelaksanaan dan keberkesanan SPK ISO 9001:2015 UTMDigital meliputi pencapaian Objektif Kualiti, kepuasan pelanggan, hasil audit dalaman/luaran dan sebagainya.
 - Isu-isu pengetahuan organisasi yang relevan.
 - Laporan audit dalaman dan luaran serta anugerah kualiti termasuk penambahbaikan yang perlu diambil.
 - Tanggungjawab, kuasa dan kompetensi staf termasuk perubahan yang dilakukan.
 - Kepuasan pelanggan termasuk maklumbalas pelanggan.
 - Penglibatan staf dalam program kualiti, projek kualiti yang dilaksanakan dan pembaikan yang dicadangkan.
 - Lain-lain perkara berkaitan pelaksanaan dan penambahbaikan SPK ISO 9001: 2015 UTMDigital.
- ii. Komunikasi luaran meliputi mana-mana aspek berikut:
 - Pelaksanaan SPK ISO 9001:2015 UTMDigital.
 - Urusan pengauditan.

 UTMDIGITAL, UTM	MANUAL KUALITI: SEKSYEN 7 – SOKONGAN		
	ID DOKUMEN: MK/UTM/UTMDIGITAL/02 - 2019/2020	MUKA SURAT	: 8 DARI 10
		MOD	: 2
		TARIKH MOD	: 15 Jan 2024

- Maklumat berdokumen dan perkongsian pengalaman melaksana ISO 9001:2015.
- Lain-lain perkara yang boleh meningkatkan keberkesanan dan kecekapan pelaksanaan SPK ISO 9001:2015 UTMDigital.

- Pelaksanaan komunikasi iaitu tarikh, masa dan tempat/Kampus untuk menyampaikan agenda di Para 7.4 (a).
- Sasaran iaitu staf, pelajar, pengurusan Universiti, PTJ dan lain-lain pelanggan UTMDigital atau pihak luar yang terlibat dengan komunikasi berkenaan.
- Kaedah komunikasi melalui mana-mana saluran seperti mesyuarat, taklimat, mesyuarat/perbincangan, memo, intranet, Buletin, perhimpunan bulanan, emel dan sebagainya.
- Staf bertanggungjawab melaksanakannya aktiviti 7.4 (a – d) meliputi Pengurusan UTMDigital, WP, Ketua Bahagian dan sebagainya.

7.5 MAKLUMAT BERDOKUMEN

7.5.1 Am

Pengurusan atasan UTMDigital, WP dan PKD menyedia dan mengawal Maklumat Berdokumen yang merangkumi:

- Dokumen dan rekod kualiti yang diperlukan Standard ISO 9001:2015.
- Dokumen dan rekod kualiti yang ditentukan oleh UTMDigital untuk pelaksanaan **Perkhidmatan ICT** dan bagi menunjukkan keberkesanan SPK.

Makluman berdokumen diatas hendaklah di senarai dan dirujuk dalam Senarai Induk Dokumen UTMDigital dan Senarai Induk Rekod Kualiti UTMDigital.

7.5.2 Penyediaan Dan Pindaan

Maklumat berdokumen SPK ISO 9001:2015 UTMDigital dalam bentuk cetakan dan elektronik meliputi dokumen untuk dirujuk (Dokumen ISO, rujukan dalaman dan luaran) bagi menyampaikan **Perkhidmatan ICT**, dan rekod yang membuktikan pelaksanaan projek ICT mengikut spesifikasi/kontrak, kebolehfungsian infrastruktur, pengendalian maklumbalas pelanggan menepati SLA dan pelaksanaan lain-lain proses SPK mengikut

 UTM UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA UTMDIGITAL, UTM	MANUAL KUALITI: SEKSYEN 7 – SOKONGAN		
	ID DOKUMEN: MK/UTM/UTMDIGITAL/02 - 2019/2020	MUKA SURAT	: 9 DARI 10
		MOD	: 2
		TARIKH MOD	: 15 Jan 2024

perancangan. Penyediaan dan pindaan maklumat berdokumen SPK ISO 9001:2015 UTMDigital hendaklah menentukan:

- Identifikasi atau ID dokumen, pemberian rujukan dan deskripsi maklumat berdokumen termasuk pindaan/Mod yang dibuat dari semasa kesemasa.
- Format maklumat berdokumen termasuk ketetapan kandungan, muka surat luar dan dalam, prosedur terperinci, carta aliran dan ketersediaannya dalam bentuk elektronik dan cetak.
- Tanggungjawab menyedia, menyemak dan mengesahkan/meluluskan Manual Kualiti, SOP dan lain-lain maklumat berdokumen untuk menentukan kesesuaian dan kecukupan penggunaannya.

7.5.3 Kawalan Maklumat Berdokumen

7.5.3.1 PKD dan semua Ketua Bahagian mengawal maklumat berdokumen yang diperlukan oleh MS ISO 9001:2015 dan UTMDigital, dengan memastikan:

- Ketersediaan dan kesesuaian penggunaannya, termasuk menentukan ia boleh digunakan/dirujuk oleh staf dalam penyampaian **Perkhidmatan ICT** di lokasi tertentu dan laman web UTMDigital (<http://digital.utm.my/iso>) (Rujuk Senarai Induk Dokumen UTMDigital dan Senarai Induk Rekod UTMDigital) termasuk memastikannya mudah dibaca, diperolehi atau untuk rujukan semula.
- Perlindungan dan kawalan kerahsiaan serta integritinya, termasuk mengelakkan penyebaran dan penyalahgunaan maklumat berdokumen UTMDigital.

7.5.3.2 Kawalan maklumat berdokumen SPK ISO 9001:2015 UTMDigital hendaklah meliputi:

- Edaran, akses, pengambilan, penggunaan dan pengesanan termasuk dapatan semula untuk rujukan.
- Simpanan dan perlindungan, termasuk pemeliharaan legibilitinya.
- Kawalan perubahan meliputi penilaian dan pengemaskinian maklumat berdokumen dari semasa ke semasa termasuk kawalan pindaan/Mod dokumen, semakan dan versi, kelulusan semula dokumen yang dipinda dan status terkini.
- Tempoh simpanan dan pelupusannya mengikut yang dinyatakan dalam Senarai Induk Rekod UTMDigital dan pelupusan dokumen. Mana-mana maklumat berdokumen yang usang hendaklah dicegah daripada rujukan secara tidak sengaja dan, dimana perlu, disimpan untuk rujukan.

 UTMDIGITAL, UTM	MANUAL KUALITI: SEKSYEN 7 – SOKONGAN		
	ID DOKUMEN: MK/UTM/UTMDIGITAL/02 - 2019/2020	MUKA SURAT	: 10 DARI 10
		MOD	: 2
		TARIKH MOD	: 15 Jan 2024

Maklumat berdokumen luaran yang perlu dirujuk untuk perancangan dan operasi SPK ISO 9001: 2015 UTMDigital hendaklah dikenal pasti dan dikawal. Kawalan ini termasuklah menyemak dan meluluskan penggunaannya, mengawal edarannya, merekodkannya dalam Senarai Induk Dokumen UTMDigital, dan menentukan status terkininya (Rujuk Senarai Induk Dokumen UTMDigital).

Tatacara terperinci pengurusan maklumat berdokumen di Para 7.5.1, 7.5.2 dan 7.5.3 hendaklah mengikut ketetapan dalam Lampiran MK07-01 UTMDigital dan Lampiran MK07-02 UTMDigital.

LAMPIRAN MK07-01 UTMDIGITAL: KAWALAN DOKUMEN SPK ISO 9001:2015 UTMDIGITAL

Tindakan	Prosedur Terperinci Kawalan Dokumen	TJ																				
1. Mewujud, menyemak dan meluluskan dokumen SPK	a. Tanggungjawab menyedia, menyemak dan meluluskan dokumen SPK ISO 9001:2015 UTMDigital adalah seperti berikut: <table> <tr> <th>Jenis Dokumen</th> <th>Sedia</th> <th>Semak</th> <th>Lulus</th> </tr> <tr> <td>Manual Kualiti</td> <td>PKD</td> <td>WP</td> <td>Pengarah UTMDigital</td> </tr> <tr> <td>SOP</td> <td>Staf Bhgn.</td> <td>Ketua Seksyen</td> <td>TP Bhgn.</td> </tr> <tr> <td>Dokumen rujukan Dalaman</td> <td>DDS</td> <td>TP DDS</td> <td>Pengarah UTMDigital</td> </tr> <tr> <td>Dokumen rujukan Luaran</td> <td>-</td> <td>-</td> <td>Pengurusan UTMDigital</td> </tr> </table> b. Semua Ketua Seksyen dan PKD bertanggungjawab mengenal pasti dokumen yang perlu disediakan diatas untuk dirujuk atau diguna pakai dalam pelaksanaan SPK. c. Staf diatas bertanggungjawab menyediakan dan menyemak dokumen-dokumen tersebut bagi memastikan kandungan jelas, boleh dibaca, mencukupi dan sesuai untuk digunakan dalam pelaksanaan SPK. d. Dokumen-dokumen luaran (diterima daripada pihak luar) sebagai panduan untuk melaksanakan Perkhidmatan ICT. Di antara dokumen-dokumen luaran yang digunakan adalah MS ISO 9001:2015, Polisi ICT MAMPU, Akta PDPA dan sebagainya. Dokumen-dokumen ini dikenal pasti, disahkan penggunaannya dan dikawal pengedaran di UTMDigital oleh Wakil Pengurusan atau PKD. Semua dokumen ini disenaraikan dalam Senarai Induk Dokumen UTMDigital yang menunjukkan dokumen luaran terkini diguna pakai semasa penyampaian Perkhidmatan ICT. e. Dokumen asal SPK (softcopy dalam format words/pdf/visio) dikawal dan disimpan oleh PKD.	Jenis Dokumen	Sedia	Semak	Lulus	Manual Kualiti	PKD	WP	Pengarah UTMDigital	SOP	Staf Bhgn.	Ketua Seksyen	TP Bhgn.	Dokumen rujukan Dalaman	DDS	TP DDS	Pengarah UTMDigital	Dokumen rujukan Luaran	-	-	Pengurusan UTMDigital	WP PKD Ketua Seksyen
Jenis Dokumen	Sedia	Semak	Lulus																			
Manual Kualiti	PKD	WP	Pengarah UTMDigital																			
SOP	Staf Bhgn.	Ketua Seksyen	TP Bhgn.																			
Dokumen rujukan Dalaman	DDS	TP DDS	Pengarah UTMDigital																			
Dokumen rujukan Luaran	-	-	Pengurusan UTMDigital																			
2. Identifikasi (ID) atau Rujukan dokumen	a. Identifikasi (ID)/rujukan/format dokumen SPK ISO 9001:2015 UTMDigital dan dokumen rujukan dalaman hendaklah dibuat mengikut ketetapan dalam Lampiran A.	PKD																				
3. Edaran, Muat Naik dan Akses Dokumen	a. Edarkan dokumen rujukan dalaman dan luaran (hard-copy) kepada staf atau letakkan di lokasi yang ditetapkan untuk rujukan dan penggunaan staf. PKD bertanggungjawab memastikan staf mendapat dokumen yang perlu dimilikinya atau dokumen berada di lokasi ditetapkan dalam Senarai Induk Dokumen UTMDigital untuk rujukan. Dokumen asal ISO	PKD KAD PAD Semua Staf																				

	(softcopy format words/pdf/visio) akan disimpan oleh PKD. b. Muat naik dokumen SPK ISO ke Laman Web UTMDigital (https://digital.utm.my/iso) dan emelkan kepada staf/KAD/Juruaudit Dalaman untuk capaian dan rujukan mereka semasa menjalankan aktiviti kerja /pengauditan Perkhidmatan ICT. Staf/KAD/Juruaudit boleh merujuk kepada dokumen ini melalui kata laluan yang diberikan. c. Mana-mana dokumen yang telah dipinda (Rujuk Para 4), PKD akan memuat naik dokumen terkini ke ke Laman Web UTMDigital (https://digital.utm.my/iso) dan mengeluarkan email pemakluman kepada staf untuk tujuan akses dan rujukan. d. Dokumen SPK ISO 9001:2015 UTMDigital yang diedarkan kepada pihak luar (softcopy) hendaklah diluluskan oleh Pengarah atau WP. Dokumen ini hendaklah dicop atau ditulis 'DOKUMEN TIDAK DIKAWAL' di muka surat luar (cover) dan PKD akan merekodkannya dalam Senarai Induk Dokumen UTMDigital.	
4. Kemas kini dan Pindaan Dokumen	a. Buat penilaian dan kemaskini dokumen dari masa ke semasa. Pindaan dokumen boleh dibuat berdasarkan kepada: - Laporan Audit Dalaman dan luaran. - Analisis Tindakan Pembetulan dan Ketakakuran Output - Kesesuaian operasi kerja perkhidmatan ICT dengan perubahan polisi, peraturan, perundangan dan kontrak/keperluan pelanggan serta perubahan semasa. - Keperluan menambahbaik kerja melalui cadangan Jawatankuasa Pelaksana ISO dan sebagainya. - Perubahan teknologi yang memberi impak kepada kaedah dan sistem penyampaian Perkhidmatan ICT. - Cadangan atau rungutan pelanggan yang boleh meningkatkan prestasi produk UTMDigital, sesuai dengan objektif dan fungsi UTMDigital. b. Uruskan pindaan, semakan dan kelulusan dokumen mengikut tanggungjawab di Para 1. c. Rekodkan pindaan di Lampiran Rekod Pindaan dengan menyatakan Mod, butiran pindaan, sumber dan sebab pindaan, kelulusan pindaan dokumen dan tarikh kuatkuasa Mod. Bagi pindaan dokumen diluluskan, uruskan tindakan: - Muat naik dokumen SPK ISO yang telah dipinda ke Laman Web UTMDigital (https://digital.utm.my/iso). - Edar dokumen rujukan dalaman (hard-copy) kepada staf berkaitan/lokasi ditetapkan. d. Setiap pindaan yang telah diluluskan hendaklah dimaklumkan kepada PKD bagi tujuan pengemaskinian dalam Senarai Induk Dokumen UTMDigital, edaran semula dan muat naik dokumen baru ke ke Laman Web UTMDigital (http://digital.utm.my/iso). Ini bagi memastikan staf merujuk dokumen terkini dan sah	PKD Staf berkaitan

5. Penilaian dan Pelupusan Dokumen	sahaja dalam penyempurnaan aktiviti/proses kerja dan penyampaian Perkhidmatan ICT. - Nilai keperluan melupuskan dokumen SPK dan rujukan dalaman dari masa ke semasa. - Sahkan pelupusan dokumen bagi dokumen yang perlu dilupuskan. - Jika perlu dilupuskan, uruskan pelupusan dokumen dengan cara: - Keluarkan dokumen dan lupuskan (hard-copy) atau 'delete' di ke Laman Web UTMDigital (https://digital.utm.my/iso - elektronik) dan emelkan makluman pelupusan kepada staf. - PKD hendaklah menyimpan satu naskhah dokumen induk yang asal (softcopy dalam format words/pdf/visio), jika perlu, untuk disimpan dan sebagai rujukan.	PKD Staf berkaitan
6. Kawalan Dokumen Usang	Mana-mana dokumen ISO, rujukan dalaman dan rujukan luaran yang tidak lagi digunakan dalam penyampaian Perkhidmatan ICT hendaklah dikeluarkan dari Senarai Induk Dokumen UTMDigital. Dokumen ini hendaklah dimusnahkan atau dikeluarkan dari rujukan oleh PKD atau staf yang dipertanggungjawabkan untuk mengelakkan rujukan secara tidak sengaja.	PKD Staf berkaitan
7. Senarai Induk Dokumen	- Bagi tujuan kawalan, identifikasi dan penentuan status terkini dokumen, Senarai Induk Dokumen UTMDigital hendaklah disedia dan dikemas kini dari masa ke semasa. Senarai induk ini, di mana berkenaan, hendaklah meliputi bilangan, nama dokumen, rujukan, organisasi/jabatan/bahagian yang mengeluarkan dokumen, pemegang/lokasi / ke Laman Web UTMDigital (https://digital.utm.my/iso) dan catatan. - PKD bertanggungjawab menyedia, mengemaskini dan mengekalkan Senarai Induk Dokumen UTMDigital di atas untuk mengawal keseluruhan dokumen SPK ISO 9001:2015 UTMDigital. - Rekod kualiti berkaitan dengan kawalan dokumen SPK (Senarai Induk Dokumen UTMDigital dan Lampiran rekod Pindaan hendaklah dikawal oleh PKD dan diselenggara mengikut Lampiran MK07-02.	PKD

LAMPIRAN MK07-02 UTMDIGITAL– KAWALAN DATA/MAKLUMAT/REKOD KUALITI SPK ISO 9001:2015 UTMDIGITAL

Tindakan	Prosedur Terperinci Kawalan Rekod		TJ
